



AKTA MAKANAN HAIWAN 2009
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI MAKANAN
MALAYSIA



SENARAI SEMAK PEMOHONAN PENDAFTARAN **PEMBAUT** MAKANAN ATAU BAHAN TAMBAHAN
MAKANAN HAIWAN

Bil	Maklumat Dan Tindakan Perlu Bagi Permohonan Sijil Pendaftara Pembuat	Tanda (/)
1.	Salinan Kad Pengenalan Pemohon hendaklah mempunyai liabiliti dalam syarikat (Pengarah) dan merupakan warganegara Malaysia. Sila beri salinan yang jelas.	
2.	Salinan MAA/SSM/Form 49 Sila lampirkan salinan Memorandum and Articles of Association bagi syarikat Sdn Bhd. Bagi syarikat selain Sdn Bhd seperti Enterprise, sila lampirkan SSM, Form 49 sebagai sokongan ke atas jawatan pemohon sebagai Pengarah.	
3.	Pembekal bahan mentah Sila nyatakan nama, alamat dan No. Pendaftaran syarikat pembekal berserta bahan mentah yang dibekalkan.	
4.	Penyata Negara Asal (Bahan Mentah) <i>(Certificate of Origin)</i> Sesalinan Penyata Negara Asal (COO), Sijil Kesihatan atau <i>Free Sale Certificate</i> bagi bahan mentah yang diimport sahaja.	
5.	Penyataan Komposisi Bahan Mentah <i>(Certificate of Analysis)</i> 5.1 Bijirin/bahan sampingan pertanian/foraj : Kelembapan, protein kasar (CP), bahan kering (DM), serat kasar (CF) & abu (Ash) 5.2 Bahan tambahan makanan haiwan/antibiotik/bahan kimia/hormon : Bahan aktif dan apa-apa bahan lain yang kandungannya melebihi 5% 5.3 Hasil sampingan haiwan : Kelembapan, protein kasar (CP), lemak kasar (Fat) dan abu	
6.	Penyata Pembuatan (<i>Process flow</i> penghasilan produk setiap item) Sila nyatakan proses pembuatan setiap item berserta bahan mentah yang digunakan	
7.	Penyata Pembungkusan Setiap Item Sila berikan gambar item, gambar bungkusan depan & belakang (berwarna & jelas)	
8.	Penyata Pelabelan Gambar label pada bungkusan dengan berwarna dan jelas. Label hendaklah memenuhi keperluan Peraturan-Peraturan Makanan Haiwan (Pelabelan Makanan Haiwan atau Bahan Tambahan Makanan Haiwan) 2012. Label hendaklah mengandungi perkara seperti berikut:- (a) jenama produk; (b) negara pembuat; (c) jenis haiwan yang dirujuk dan tujuan penggunaan; (d) nama dan alamat pembuat; termasuk pengimport, pengedar tunggal atau pengeluar	

	<p><i>(e)</i> jenis ramuan mentah; <i>(f)</i> sekiranya makanan haiwan mengandungi daging babi, atau terbitan atau lemaknya, pernyataan kehadiran daging babi sedemikian, atau terbitan, atau lemaknya dalam makanan haiwan, dalam bentuk "MENGANDUNGI (menyatakan sama ada daging babi, atau terbitan, atau lemaknya mengikut mana yang berkenaan)" atau dengan perkataan lain yang menunjukkan hal ini; <i>(g)</i> kandungan nutrien <i>(h)</i> nama dagang bahan antibiotik aktif, takat pemasukan dan tempoh penarikan <i>(i)</i> takat pemasukan hormon <i>(j)</i> nama dagang bahan aktif bagi bahan kimia lain <i>(k)</i> berat bersih <i>(l)</i> tarikh pembuatan dan tarikh luput</p>	
9.	Borang berserta dokumen-dokumen disusun mengikut susunan dan dimasukkan ke dalam fail (ring file) untuk serahan kepada Urusetia Lembaga Makanan Haiwan	